

SULIT

BAHASA MELAYU
KERTAS 2
MASA 2 ½ JAM



1103/2

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MENENGAH
(CAWANGAN PULAU PINANG)

MODUL LATIHAN BERFOKUS SPM 2013

BAHASA MELAYU

KERTAS 2

2 JAM 30 MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Modul latihan berfokus ini mengandungi 9 halaman bercetak.

SULIT

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kesan-kesan penggunaan Internet** dan **tanggungjawab ibu bapa untuk mengatasinya**. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Perkembangan pesat dalam bidang telekomunikasi dan maklumat memudahkan capaian kepada aplikasi Internet malah sesiapa sahaja boleh melayarinya. Sebenarnya, kebanyakan ibu bapa bimbang akan fenomena remaja yang melayari Internet kerana hal ini akan mendatangkan pelbagai kesan negatif. Tidak dinafikan bahawa golongan remaja kerap berada di kafe siber, begitu terangsang melayari Internet kerana tarikan Internet lebih menyeronokkan berbanding dengan gajet-gajet yang lain. Keresahan dan kebimbangan ini dapat dirasakan oleh kebanyakan ibu bapa apabila remaja terpengaruh oleh budaya hedonisme dan akhirnya melalaikan kepentingan pelajaran. Faktor ini didorong oleh sesetengah ibu bapa yang buta Internet dan tidak mengetahui kebaikan dan keburukannya terus dimanipulasi oleh remaja untuk mengunjungi kafe siber.

Kini didapati remaja selalu ponteng sekolah dan kelas tuisyen kerana ingin berkunjung ke kafe siber untuk membolehkan mereka melayari Internet. Hal ini terjadi disebabkan di kebanyakan kawasan berhampiran dengan kawasan perumahan terdapat kafe siber yang menyediakan kemudahan Internet dengan bayaran yang murah. Menurut rekod Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, pelbagai jenayah siber dilakukan dalam kalangan remaja menunjukkan peningkatan iaitu mencatatkan kerugian berjumlah lebih daripada RM 63 juta pada tahun 2010. Bagi tempoh lima tahun akan datang kerajaan akan menanggung kerugian RM2.73 juta sekiranya jenayah siber tidak ditangani dengan baik sejajar dengan peningkatan bilangan individu celik teknologi maklumat yang dianggarkan mencecah 16 juta orang. Sebarang penulisan tanpa berhati-hati oleh golongan muda dalam blog juga boleh menjurus kepada provokasi dan fitnah. Sehubungan dengan itu, tindakan ini dianggap satu kesalahan yang boleh disabitkan dengan jenayah siber.

Dalam perkembangan dunia ICT, tidak salah mereka mempunyai perasaan ingin tahu dan sentiasa mengikuti perkembangan yang berlaku di seluruh dunia tetapi menjadi kesalahan sekiranya kebebasan ini disalahgunakan oleh mereka dengan melayari laman sesawang yang memaparkan kandungan yang bertentangan dengan amalan budaya dan agama. Secara purata kanak-kanak dan remaja Malaysia yang berumur 8 hingga 18 tahun menghabiskan masa selama 19 jam setiap minggu untuk melayari Internet. Sebanyak 23 peratus masa dihabiskan atas talian untuk media sosial dan blog oleh golongan muda. Generasi muda dikatakan akan menghadapi krisis kecelaruan identiti dan jati diri kerana pengaruh budaya popular melalui filem, muzik dan lagu yang mempengaruhi pemikiran mereka.

Pengaruh Internet banyak meruntun remaja dengan gaya hidup asing serta menghakis kesantunan dalam pertuturan lisan dan perlakuan. Hal ini demikian kerana mereka banyak didedahkan dengan bahasa singkatan atau bahasa rekaan sendiri serta pengaruh dari luar negara yang *menggugat budaya*. Selain itu, pengaruh alam maya ini juga mendorong golongan muda ke arah pemikiran liberal dan mereka sukar merealisasikan hala tuju negara secara menyeluruh. Oleh hal yang demikian sebelum nasi menjadi bubur, sebarang tindakan pencegahan dan kawalan perlu dilaksanakan untuk menangani masalah ini.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada
'Atasi Kesan Internet' oleh Ami Masra,
Dewan Siswa, Jun 2013.

Soalan 2 : Pemahaman

[35 markah]

Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud *menggugat budaya*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan petikan tersebut, apakah faktor-faktor yang menggalakkan remaja mengunjungi kafe siber? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh kerajaan untuk menangani jenayah siber melalui Internet? [4 markah]

Soalan 2(b) – Petikan Prosa Moden

Baca petikan cerpen di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Ceper masih keruh airnya, tetapi masih sedikit-sedikit boleh mengalir meskipun langkahnya lambat kalau dibandingkan dengan waktu ibu rancak melompat ke sana dan berlari ke sini dulu. Waktu itu ceper bukan main lagi cergasnya bagaikan hendak bertanding dengan kecergasan ibu sendiri.

Tetapi semenjak ibu lumpuh dan kemudian ibu mati, Ceper langsung tidak terbusa dan berombak lagi. Tebing-tebingnya pun tidak ditendang lagi. Lubuk-lubuknya pun tidak dikorek lagi, malah arusnya pun rasa-rasanya begitu lambat bergerak ke kuala kerana Ceper mulai kenyang sangat-sangat dengan serbaneka serdak yang bersisa.

Sudah mula kulihat bangkai ayam, bangkai itik, bangkai biawak, bangkai ular, bangkai babi, bangkai ikan yang sudah busuk berulat, nasi manusia yang sudah berbuih dan berlendir, kain-kain buruk yang sudah kusam, sisa-sisa makanan yang berulat, karung-karung plastik warna-warni yang lusuh dan kerunyuk berarak lambat-lambat di tengah-tengah dada Sungai Ceper. Baunya sudah mulai naik ke darat dan terus masuk ke dalam lubang-lubang hidung kami.

Waktu bapa meninggal tidak pula aku teringin untuk memerhati perangai Ceper. Lagipun tidak banyak berubah apa-apa pada kehidupan Ceper. Dan bapa pun tidak lama sakit. Tiba-tiba bapa bersungut sakit dada suatu petang sesudah beberapa lama ibu meninggal. Aku tidak berapa ingat sangat bila bapa tiba-tiba bersungut sakit dada itu. Entahlah.

Dipetik daripada cerpen 'Ibu dan Ceper' oleh Shahnnon Ahmad dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Gambarkan situasi sungai Ceper selepas ibu meninggal dunia. [2 markah]
- (ii) Banyak sungai mengalami pencemaran akibat tindakan manusia yang tidak bertanggungjawab. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah pencemaran sungai di negara ini? [3 markah]
- (iii) Huraikan **satu** pengajaran yang terdapat dalam petikan cerpen di atas dan **satu** pengajaran yang lain daripada cerpen tersebut yang tidak terdapat dalam petikan. [4 markah]

Soalan 2(c) – Petikan Prosa Tradisional

Baca petikan prosa tradisional di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Setelah demikian maka Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi pun makin sangat menangis takut akan ayahanda baginda. Maka Raja Indera Bumaya pun memujuk tuan puteri juga dengan kata yang manis-manis seraya katanya, “Ya tuanku, nyawa badan kakanda, janganlah menangis. *Mata yang manis menjadi balut*, suara yang merdu menjadi parau. Tuan, janganlah tuan merosakkan kalbu abang. Biarlah hilang abang seorang, mahulah lenyap kakanda seorang.” Maka kata tuan puteri, “Jika kakanda mati masakan adinda hidup. Hidup pun tiada apa gunanya.” Maka Raja Indera Bumaya pun tersenyum mendengar kata tuan puteri itu, seraya katanya, “Kasih sungguh rupanya tuan akan kakanda serta juga kakanda mati yang kasih tuan itu setelah terjunjunglah di atas batu kepala kakanda.” Maka Raja Indera Bumaya pun mencita gemala hikmat yang daripada Raja Johan Syahperi itu maka keluar jin empat ribu dari dalam gemala hikmat itu. Maka titah baginda, “Hai saudaraku, pergilah tuan hamba berperang dengan rakyat Raja Bahrum Dewa itu.” Maka ia pun menyembah lalu turun berperang. Maka menjadi perang besarlah kedua pihak itu gegak gempita terang cuaca menjadi kelam-kabut. Setelah seketika itu maka orang berperang pun terlalu banyaklah darah tumpah ke bumi maka bergeraklah tasik indera itu sementara itulah segala hulubalang rakyat sekalian.

Dipetik daripada ‘Hikayat Langlang Buana’ dalam antologi
Dirgahayu Bahasaku, Dewan Bahasa dan Pustaka.

(i) Berikan maksud *mata yang manis menjadi balut*.

[2 markah]

(ii) Apakah kata-kata manis Raja Indera Bumaya ketika memujuk Tuan Puteri Mandu Ratna Dewi yang sedang menangis?

[3 markah]

(iii) Pada pendapat anda, wajarkah Raja Indera Bumaya berperang dengan Raja Bahrum Dewa? Berikan **tiga** sebab.

[3 markah]

Soalan 2(d) – Gurindam

Baca gurindam di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Gurindam 12 Fasal yang Keenam

Cahari olehmu akan sahabat,
Yang boleh dijadikan ubat.

Cahari olehmu akan guru,
Yang boleh tahukan tiap seteru.

Cahari olehmu akan isteri,
Yang boleh menyerahkan diri.

Cahari olehmu akan kawan,
Pilih segala yang setiawan.

Abu Hassan Sham (Penyelenggara)

Puisi-puisi Raja Ali Haji, 1993

Dewan Bahasa dan Pustaka.

- (i) Berikan maksud rangkap kedua gurindam di atas. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah kita disarankan supaya memilih kawan yang baik. Berikan **tiga** sebab. [3 markah]
- (iii) Huraikan **dua** nilai yang terdapat dalam gurindam ini. [4 markah]

Soalan 3 : Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan.

(a) *Tulis satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) kehampaan
- (ii) kesukaran
- (iii) kelalaian
- (iv) kebejatan
- (v) kemaslahatan
- (vi) kepincangan

[6 markah]

(b) *Nyatakan ayat-ayat perintah di bawah sama ada ayat larangan, ayat suruhan, ayat silaan atau ayat permintaan.*

- (i) Tolong tandatangan borang tersebut sebelum diserahkan kepada urus setia.
- (ii) Jangan tampal sebarang poster di sepanjang laluan ini.
- (iii) “Jemputlah masuk ke rumah, emak sedang menunggu di ruang tamu,” kata kakak kepada jirannya.
- (iv) “Sila penuhkan tempat kosong di hadapan,” kata pengerusi majlis kepada para hadirin.
- (v) Pengguna jalan raya diminta tidak melalui kawasan runtuhan itu kerana berbahaya.
- (vi) Usah dikenang peristiwa yang sedih itu.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Pesakit leukimia itu memohon simpati daripada masyarakat memberi sumbangan untuk mengubati penyakitnya.
- (ii) Stesen televisyen swasta itu telah menyiarkan filem-filem lagenda Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee untuk mengingati kepergiannya.
- (iii) Pemakaian stokin yang berlainan warna telah jadi ikutan muda-mudi pada masa sekarang.

[6 markah]

(d) *Dalam setiap ayat di bawah terdapat **satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa**. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Kebanyakan pekerja kilang batik di Terengganu mahir dalam kerja-kerja melorek batik kerana mewarisi kemahiran ini dari nenek moyang mereka.
- (ii) Habis pakaian di dalam almari itu digigit oleh tikus sejak rumah itu ditinggalkan oleh kami setahun yang lalu.
- (iii) Ayah memandu melebihi had laju yang ditetapkan lalu merempuh isyarat lampu merah kerana terlewat menghadiri temu janji.

[6 markah]

(e) *Baca ayat di bawah dengan teliti, kemudian kemukakan **satu** peribahasa yang sesuai dengan ayat tersebut.*

- (i) Harapan Pak Abu untuk melihat anaknya berjaya dalam pelajaran hancur berkecai apabila anaknya itu terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan ditangkap oleh polis.
- (ii) Doktor pakar sakit jiwa dari hospital terkenal itu berjaya mengesan punca-punca kemurungan dengan hanya memperhatikan tingkah laku kanak-kanak yang dirawatnya.
- (iii) Ramli telah membelanjakan kesemua wang simpanannya apabila dikhabarkan syarikatnya akan memberikan bonus sebanyak lima bulan gaji tanpa mengetahui bahawa perkhabaran tersebut merupakan khabar angin sahaja.

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Azfa Hanani karya Halis Azhan Mohd Hanafiah
- (ii) Kembara Amira karya Amer Hamzah L. Kadir

- (a) Banyak peristiwa yang dipaparkan dalam sesebuah novel menggambarkan persoalan yang ingin disampaikan oleh pengarang.
Berdasarkan **sebuah** novel yang anda pelajari, huraikan **dua** contoh yang menggambarkan persoalan pengorbanan dalam kehidupan.

[7 markah]

- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, jelaskan **satu** latar masyarakat yang terdapat dalam novel-novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT